



24

**MAJLIS BANDARAYA IPOH**  
**ARAHAN KEWANGAN BIL. 7/2013**

Rujukan : Bil (24) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan  
Majlis Bandaraya Ipoh

17 Jun 2013

Y. Bhg. Datuk Bandar /  
Y. Bhg. Dato' Setiausaha Bandaraya /  
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

**TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA BAGI PENGLIBATAN ANGGOTA DALAM PROGRAM-PROGRAM ANJURAN MAJLIS BANDARAYA IPOH**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak Y. Bhg. Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa bagi menggalakkan penglibatan anggota-anggota Majlis sebagai Ahli Jawatankuasa/Urusetia/Ahli/Peserta dalam program-program anjuran Majlis atau pihak luar yang diiktiraf oleh Majlis, pihak Jabatan memberi ruang kepada anggota yang terlibat untuk membuat tuntutan-tuntutan seperti gantian waktu bekerja (time-off) dan bayaran-bayaran saguhati sebagai menghargai penglibatan mereka dalam program-program tertentu sekiranya terdapat keperluan.

3. Adalah diharapkan, pemantauan bagi tuntutan-tuntutan ini dapat diberi perhatian oleh Ketua Jabatan/Bahagian/Unit dan menjadi usaha bersama seluruh warga Majlis Bandaraya Ipoh yang secara langsung dapat memastikan kestabilan kewangan Majlis setiasa berada di tahap yang baik dan secara tidak langsung dapat menghasilkan warga kerja yang aktif, kreatif dan berinovasi hasil dari penglibatan anggota-anggota Majlis dalam program-program yang dianjurkan.

4. Untuk makluman, tuntutan-tuntutan oleh anggota-anggota yang terlibat dalam program Majlis ini **perlu diselaraskan di peringkat Urusetia/Jawatankuasa Program** terbabit dan ianya **tertakluk kepada kelulusan Pihak Pengurusan Majlis.**

..2/-

## TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA BAGI PENGLIBATAN ANGGOTA DALAM PROGRAM-PROGRAM ANJURAN MAJLIS BANDARAYA IPOH

5. Berikut adalah ringkasan tuntutan-tuntutan yang boleh dibuat oleh anggota yang terlibat dalam program-program Majlis/anjuran pihak luar yang diiktiraf:

Kategori	Perkara yang layak dituntut
Anggota terlibat melaksanakan <b>tugas-tugas yang selari dengan tugas hakiki</b> Contoh: Juruteknik menyelaraskan keperluan bekalan elektrik program	- Elaun Lebih Masa (sekiranya terdapat keperluan)
Anggota terlibat melaksanakan <b>tugas-tugas yang diluar tugas hakiki</b> Contoh: Pembantu Tadbir menjadi Petugas Program Bandaraya	- Tuntutan Bayaran Saguhati (mengikut kadar yang ditetapkan) (Borang tuntutan seperti di <b>Lampiran A</b> ) atau - Gantian waktu kerja (Time-Off)
Anggota yang mewakili Majlis dalam acara sukan	- Elaun/Bayaran Saguhati (mengikut kadar yang ditetapkan bagi sesuatu pertandingan)

6. Kerjasama dan keprihatinan semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit pada perkara-perkara yang dinyatakan di atas adalah amat diharapkan bagi memastikan ianya diselaraskan dan perlaksanaan yang seragam di semua Jabatan/Bahagian/Unit masing-masing disamping mencapai objektif program-program yang dianjurkan kelak. **Perlaksanaan prosedur-prosedur tuntutan di atas adalah berkuatkuasa serta-merta.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"CINTAILAH BANDARAYA IPOH"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ROSHIDI BIN HAJI HASHIM)**

Datuk Bandar Ipoh



**MAJLIS BANDARAYA IPOH**  
**TUNTUTAN BAYARAN SAGUHATI**  
**PETUGAS PROGRAM BANDARAYA**

PROGRAM / ACARA : .....

TARIKH : .....

BIL	NO PEKERJA	NAMA	WAKTU		JUMLAH JAM	JUMLAH TUNTUTAN (RM)
			DARI	KE		
1						
2						
3						
4						
5						
6						
7						
8						
9						
10						
11						
12						
13						
14						
15						

.....  
Tandatangan Pengerusi/Setiausaha Jawatankuasa Program

Nama : .....

Tarikh : .....

**Kadar :**

- RM 5.00 - melebihi 2 jam/hari
- RM 15.00 - melebihi 6 jam/hari
- RM 20.00 - melebihi 8 jam/hari
- RM 30.00 - melebihi 15 jam/hari

**Nota :**

1. Borang ini hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 31 haribulan setiap bulan.
2. Satu borang hendaklah digunakan untuk tuntutan bagi satu hari sahaja